

**Rayuan Pembebasan Anwar Tuduhan Liwat Didengar 17 Dan 18 Sept
Bernama
1 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Rayuan pendakwa terhadap pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pertuduhan liwat akan didengar selama dua hari bermula 17 Sept ini.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Darmafikri Abu Adam menetapkan tarikh itu di dalam kamar apabila pengurusan kes itu disebut di hadapannya Khamis.

Sementara itu, peguam Anwar, Sangeet Kaur Deo yang hadir pada prosiding itu, berkata pihak pembelaan akan memfailkan permohonan untuk membatalkan pelantikan Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah mengetuai pasukan pendakwa dalam rayuan berkenaan.

Beliau memberitahu pemberita Darmafikri menetapkan tarikh yang sama untuk mendengar permohonan Anwar membatalkan pelantikan Muhammad Shafee daripada mengetuai pasukan pendakwa dalam rayuan itu.

Pelantikan Muhammad Shafee untuk mengetuai pasukan pendakwa dilakukan secara fiat yang ditandatangani Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail pada 2 Julai lepas.

Pada prosiding pengurusan kes itu, Darmafikri memerintahkan peguam Anwar memfailkan permohonan (membatalkan pelantikan Muhammad Shafee) sebelum 23 Ogos ini.

Timbalan Pendakwa Raya Noorin Badarudin mewakili pihak pendakwa.

Pada 9 Jan tahun lepas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melepas dan membebaskan Anwar terhadap pertuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan, 28.

Dia didakwa meliwat Mohd Saiful, di Kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara di sini antara 3.10 petang dan 4.30 petang 26 Jun 2008.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah dalam keputusannya berkata 'ada berlaku penetrasi' tetapi ia tidak disokong oleh bukti lain.

Beliau berkata mahkamah tidak boleh yakin sepenuhnya berhubung integriti sampel-sampel yang diambil untuk ujian DNA daripada pengadu (Mohd Saiful) kerana sampel itu mungkin boleh terjejas sebelum ia sampai ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Sementara itu, Muhammad Shafee yang berada di Istana Keadilan bagi urusan mahkamah yang lain, memberitahu pemberita beliau tidak mengetahui alasan pihak pembelaan untuk membatalkan pelantikannya sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Beliau mengulas mengenai tindakan Anwar untuk memfailkan permohonan bagi membatalkan pelantikannya sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Muhammad Shafee berkata peguam Anwar tidak memaklumkan alasan mereka apabila mereka membantah pelantikannya di Mahkamah Rayuan pada 22 Julai lepas.

Menjawab soalan lain sama ada terdapat alasan munasabah untuk menyingkirkannya,

Muhammad Shafee berkata 'saya tidak mengetahuinya' dan menambah beliau akan memfailkan jawapan sebaik Anwar memfailkan permohonannya.

Pada 22 Julai, peguam Ram Karpal Singh yang mewakili Anwar, membangkitkan bantahan terhadap pelantikan Muhammad Shafee, bagaimanapun hakim Datuk Ramly Ali yang mengetuai panel tiga hakim Mahkamah Rayuan meminta beliau mengemukakan perkara itu pada tarikh pendengaran akan datang.

Ram Karpal kemudian memberitahu pemberita pihak pembelaan membantah atas alasan ia mungkin tidak sesuai bagi beliau (Muhammad Shafee) mewakili pihak pendakwa kerana kes Anwar bermotifkan politik dan beliau (Muhammad Shafee) pernah dilantik mewakili UMNO dalam beberapa kes mahkamah sebelum ini.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967774>